



# SURAT BERITA KONSTITUEN

---

Isu #9, Julai 2017

Sesi parlimen pertama bagi tahun 2017 | Bulan kebajikan | Kem perubatan percuma SS19 | Sesi phone bank INVOKE Kelana Jaya | Pengumpulan dana P104 "Wonder Woman" | Staf dan intern-intern



Wong Chen | Ahli Parlimen Kelana Jaya

# NUKILAN TULUS IKHLAS:

## PRAKATA DARIPADA WONG CHEN



Saudara-mara Kelana Jaya,

Pertengahan tahun 2017 sudah pun menjelang dan tiba masanya terbitan surat berita edisi kesembilan kami. Kami sepejabat akan terus berusaha menerbitkan surat berita kami setiap enam bulan untuk memberi maklumat terkini mengenai kerja dan perkhidmatan kami.

### **Tugas-tugas di Parlimen**

Dengan sukacitanya dimaklumkan bahawa sesi Parlimen yang telah berlangsung dari 6hb Mac hingga 6hb April 2017 adalah sesi yang produktif bagi saya. Kerja pengubahsuaian Dewan Rakyat telah selesai selepas hampir empat tahun dan sudah boleh digunakan mulai persidangan Parlimen Mac/April 2017. Saya telah diberi kedudukan yang agak baik, iaitu di tengah-tengah blok Pembangkang. Seperti biasa, saya menghadiri setiap satu sidang Parlimen. Saya turut mengambil bahagian dalam persidangan yang telah berlangsung sehingga 3.00 pagi hasil pakatan UMNO-BN yang telah berkomplot untuk memastikan Hadi Awang berpeluang membahaskan isu RUU 355.

Untuk sesi Parlimen ini, saya telah menyampaikan hujah saya mengenai RUU

Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017, RUU Kebankrapan (Pindaan) 2016, RUU Cukai Pelancongan 2017, RUU Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2017, dan RUU Perdagangan Strategik (Pindaan) 2017. Bagi saya, perubahan positif paling ketara adalah rasa hormat yang telah saya terima daripada beberapa orang Ahli Parlimen (AP) dari Sabah dan Sarawak.

Sepanjang perkembangan saya sebagai seorang Ahli Parlimen, saya sedar betapa pentingnya untuk mengetepikan permusuhan politik semasa di Parlimen. Justeru, saya telah mula mengamalkan tabiat berkongsi maklumat dan pendapat saya mengenai rang undang-undang yang akan dibentangkan dengan AP yang benar-benar menitikberatkan kerja penggubalan dasar. Amalan baru ini amat memuaskan hati; sejak tiga tahun lalu, saya sudah jemu dengan proses penggubalan undang-undang di Malaysia. Saya inginkan suasana Dewan di mana rang undang-undang yang dikemukakan dihormati dan dibahas berdasarkan logik, bukan sekadar diluluskan secara membuta tuli. Pergaulan saya dengan AP dari kedua-dua pihak kerajaan dan pembangkang yang sama-sama berusaha meluluskan rang undang-undang berkualiti memberikan harapan kepada saya bahawa



tanah air tercinta kita semua masih boleh diselamatkan.

Namun, tema utama di sebalik pembentangan rang undang-undang kali ini jelas terpapar: pihak kerajaan kini dilanda krisis kewangan. Situasi ini telah memaksa kesemua kementerian untuk mengurangkan perbelanjaan mereka dan melaksanakan sistem pungutan cukai yang jauh lebih agresif. Hal ini sebenarnya dapat dielakkan sekiranya pihak kerajaan mengalih fokus terhadap usaha membanteras rasuah dan pembaziran, sesuatu tindakan yang tidak akan direalisasikan selagi MO1 terus memegang kuasa.

## **Isu Ekonomi**

Situasi ekonomi Malaysia pada suku Q1 tahun 2017 agak baik berbanding dengan YOY 2016. Mata wang Ringgit telah mula stabil; namun, nilainya masih belum menunjukkan tanda-tanda pulih. Perbelanjaan modal telah meningkat secara mendadak. Namun, kadar inflasi kian meninggi. Secara keseluruhan, maklumat makronya agak memberangsangkan. Namun, juruanalis tidak pasti sama ada data pada suku Q1 ini akan berkekalan sehingga suku Q2

dan Q3. Oleh itu, analisis terperinci hanya boleh dibuat pada bulan September 2017 sebaik sahaja maklumat Q2 diperoleh. Pada dasarnya, angka-angka makro akan mengambil masa selama enam bulan hingga setahun sebelum impaknya dirasai masyarakat umum. Walaupun data makro memberi gambaran cerah, keadaan ekonomi dalam kalangan masyarakat tetap murung. Suasana Tahun Baru Cina dan Hari Raya tahun ini amat sunyi. Meskipun terdapat stesen LRT baharu di SS14, kedai-kedai dan restoran-restoran di sekitar pejabat kami terpaksa ditutup dalam masa enam bulan pertama tahun 2017. Malah kedai-kedai mamak sudah mula merungut bahawa bilangan pelanggan mereka telah jatuh sebanyak 10% dan kos operasi mereka meningkat sebanyak 10%.

Di peringkat kebangsaan, skandal 1MDB giat menghantui MO1 dan isterinya, dalam bentuk laporan DoJ. Isu ini telah menjelaskan keadaan ekonomi negara dan membayangkan Malaysia sebagai sebuah negara yang terpaku akibat amalan rasuah dan penyelewengan kuasa. Selagi pihak kerajaan keras kepala dan enggan mengambil tindakan terhadap 1MDB, Malaysia akan sentiasa dipinggirkan di pentas antarabangsa. Hal ini jelas

terbukti apabila institusi-institusi asing menjatuhkan nilai pegangan bon kerajaan Malaysia daripada 35% ke 25% pada suku Q1.

Harapan yang telah diletakkan di tangan pelaburan negara China sebagai penyelamat ekonomi Malaysia pada tahun 2017 sudah mula pudar. Projek tanah TRX bersama sebuah GLC China telah ditamatkan. Pelaksanaan kawalan modal oleh negara China atas syarikat-syarikatnya telah menyebabkan kemerosotan projek-projek perumahan China di Johor. Satu-satunya kesan positif adalah perjanjian Geely-Proton; pada realitinya, Proton seakan-akan dihadiahkan kepada Geely, dan Geely kini disandang dengan tanggungjawab memulihkan semula prestasi kewangan Proton.

### **Isu-isu Politik**

Dalam enam bulan yang lepas, isu paling menonjol dalam perkembangan politik domestik tetap merupakan RUU355 yang diusulkan oleh YB Hadi Awang. Usul tersebut dibentangkan dan sebahagiannya dibahaskan oleh YB Hadi Awang dengan sokongan BN pada 6hb April 2017. Peristiwa ini sememangnya membuktikan betapa eratnya persahabatan dan kepercayaan yang terjalin antara YB Hadi Awang dengan YAB Najib Razak. Pada bulan April, BN seolah-olah

sedia mengumumkan pilihan raya kilat pada bulan September 2017, diperkuuh lagi dengan senario persaingan tiga penjuru. Namun, suasa politik berubah ekoran ketidakpastian terhadap tahap sokongan politik dalam tempoh dua bulan yang lepas. INVOKE Malaysia secara konsistennya telah membentangkan hasil kaji selidik yang menunjukkan bahawa dalam senario tiga penjuru sekalipun, tiada pemenang yang jelas dalam PRU14. INVOKE juga mengenal pasti kemerosotan tahap sokongan pengundi PAS. Sebuah kaji selidik INVOKE yang dijalankan pada bulan April di kawasan FELDA telah mendapati bahawa UMNO turut mengalami kemerosotan sokongan di kerusi-kerusi "deposit tetap" mereka. Ditambah pula dengan pertelingkahan terbuka di FGV, besar kemungkinannya YAB Najib tidak akan mengumumkan pilihan raya kilat pada bulan September 2017. Sekarang, tekaan paling bijak ialah pilihan raya akan berlangsung pada bulan Mac 2018.

Pejabat saya tetap menyokong padu usaha INVOKE dan menyeru semua supaya menyertai dan menyokong mereka. INVOKE merupakan sebuah organisasi pergerakan politik sukarelawan tidak berpihak. Sila layari laman web mereka di [www.involvemalaysia.org](http://www.involvemalaysia.org) dan sertailah INVOKE.



## Perihal Masyarakat

Dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini, saya telah menghadiri sebanyak 67 program kemasyarakatan. Terima kasih saya ucapkan kepada kedua-dua ADUN saya, YB Hannah Yeoh dan YB Nik Nazmi, setiap satu ahli majlis, anggota JKP, dan pemimpin masyarakat atas semangat dan tekad mereka dalam menganjurkan program-program di kawasan Kelana Jaya.

Pejabat saya pada masa ini terlibat dalam pertengkaran dengan Kerajaan Negeri Selangor atas audit yang dikatakan telah dijalankan pada bulan Mac 2016 ke atas perbelanjaan pejabat kami. Pejabat saya hanya menerima laporan audit tersebut pada bulan Februari 2017, iaitu sebelas bulan kemudian. Kami bukan sahaja membantah proses pengauditan ini, yang menurut pandangan kami dijalankan tanpa melalui proses yang adil, tetapi juga menyangkal penemuan audit tersebut, yang pada pendapat kami adalah tidak berasas. Kerajaan Negeri Selangor kemudiannya tidak memberikan sebarang respons kepada pejabat saya selama tiga bulan setengah, walaupun pejabat saya mengutus empat pucuk surat kepada pihak mereka. Setelah mengemukakan satu notis terakhir yang memberikan mereka tempoh 14 hari untuk membalas surat-surat saya (yang Kerajaan Negeri Selangor sekali lagi gagal menjawab), kami bertindak membuat

pendedahan melalui Facebook tentang bantahan kami terhadap audit tersebut.

Selepas pendedahan umum itu, kami akhirnya mendapat balasan: Kerajaan Negeri Selangor baru-baru ini telah mengambil langkah yang menyebabkan kami tidak mampu meneruskan program Bulan Kebajikan kami untuk golongan miskin. Kami akan terus berhubung dengan Kerajaan Negeri Selangor untuk menyelesaikan isu ini dan menyampaikan perkembangan terkini kepada anda. Kami tetap bertekad mengamalkan ketulusan dan akauntabiliti dalam segala urusan kami, termasuklah isu dengan Kerajaan Negeri Selangor ini.

Akhir sekali, saya sedar akan pelbagai cabaran yang bakal dihadapi dalam separuh kedua tahun 2017. Para pegawai, intern serta saya sendiri akan giat menempuh dan menangani cabaran-cabaran ini dengan ikhlas dan jujur. Kami akan terus berjuang mempertahankan hak anda dan berusaha merealisasikan perbincangan yang lebih mendalam tentang dasar-dasar awam. Pendek kata, kami akan terus bertungkus lumus menjadikan Malaysia negara yang lebih baik, adil dan saksama untuk semua.

Yang benar,




# KEMAS KINI PERSIDANGAN PARLIMEN MAC/APRIL 2017



## KEMAS KINI UMUM PARLIMEN

Sesi Parliment Mac/April 2017 bermula seperti biasa—tugas membahaskan rang undang-undang telah diagihkan kepada Ahli-ahli Parliment tertentu, dan Kelana Jaya telah diberi tanggungjawab untuk menyelidik RUU Kebankrapan (Pindaan) 2016 dan RUU Setem (Pindaan) 2016. Walaupun RUU Setem itu telah ditarik balik, YB Wong Chen telah berjaya membentangkan RUU Kebankrapan dan membahaskan RUU yang lain termasuk RUU Perbekalan Tambahan (2016) 2017.

Salah satu isu penting bagi sesi ini adalah RUU Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017. Kebanyakan ahli politik telah mengetepikan prasangka politik mereka sementara waktu untuk meluluskan RUU tersebut demi melindungi golongan kanak-kanak penjenayah-penjenayah seksual.

Namun, pada saat-saat terakhir Parliment, Ahli-ahli Parliment tiba-tiba dihujani sembilan rang undang-undang—ini bermaksud terdapat 12 rang undang-undang yang perlu dibentangkan dalam masa dua hari terakhir sesi Parliment.

Akibatnya, Dewan Rakyat telah mencatat rekod baru apabila persidangan Parliment pada hari kedua terakhir telah berlangsung sehingga 5.00 pagi.

Bagaikan sudah jatuh ditimpa tangga, Ahli-ahli Parliment kemudian terpaksa berhadapan dengan cabaran perbahasan usul RUU 355 pada hari terakhir, seolah-olah pembentangan rang undang-undang sebelum ini hanya bertujuan untuk meletihkan Ahli-ahli Parliment supaya akur dengan pindaan RUU 355 tanpa rintangan.

Inikah cara demokrasi dilenyapkan, *not with a bang but with a whimper?*

## "PERBAHASAN" RUU 355

"Tak berani! Tak berani!"

"Takut! Takut!"

"Kuasa disalahgunakan!"

"Dewan Rakyat apa macam ini?! Apa ini?! Memang hari PAS dengan UMNO je lah hari ini! Islam ke macam ni?! Tak beri kita berhujah?!"

Teriakan Ahli-ahli Parlimen pembangkang yang cukup berang mengakhiri mesyuarat Parlimen 6 Mac–6 April 2017. Selepas menegaskan bahawa beliau "tidak mahu menjadi bodo," Pandikar Amin menggunakan kuasanya selaku Speaker Dewan Rakyat untuk menangguhkan perbahasan usul persendirian yang dibawa oleh YB Hadi Awang, iaitu

pindaan kepada RUU 355, ke sesi yang akan datang.

Setelah YB Hadi membentangkan RUU355 pada waktu tengah hari, YB Takiyuddin Hassan (PAS) dibenarkan berhujah selama 1.5 jam menyanjung kebaikan usul tersebut. Beliau sekali-sekala memberi ruang kepada ahli-ahli Parlimen UMNO mencelah menyokong ucapannya itu.

Sebagai respons, Ahli-ahli Parlimen Pakatan Harapan merancang agar YB Rafizi Ramli (PKR) berbahas terlebih dahulu, diikuti oleh YB Mujahid Yusof Rawa (AMANAH) dan YB Gobind Singh Deo (DAP).

Namun akhirnya tiada perbahasan sedemikian, cuma laungan kemarahan.



*"Kata-kata tidak memadai untuk menyatakan betapa tidak adilnya seluruh prosiding itu. Jika UMNO dan PAS betul-betul pasti bahawa RUU355 ini baik untuk negara, mengapakah mereka begitu takut untuk berbahas secara terbuka?"—YB Wong Chen*

# PROJEK-PROJEK DAN AKTIVITI-AKTIVITI KOMUNITI DI KELANA JAYA



## KEM PERUBATAN PERCUMA SS19 2017

Pejabat kami telah menganjurkan kem perubatan percuma kami jauh lebih awal bagi tahun ini, iaitu pada 5 Mac 2017, di Pangaspuri SS19. Kem ini telah dijalankan dengan kerjasama Medical Outreach PJ dan pejabat YB Hannah Yeoh, dan telah menawarkan perkhidmatan perundingan dan ubat-ubatan percuma kepada para penduduk miskin bandar di kawasan Subang Jaya.

Pada penghujung hari, kami telah berjaya merawat seramai 142 orang penduduk, dan kebanyakannya terdiri daripada golongan kanak-kanak.

Terima kasih kepada Medical Outreach PJ, doktor-doktor, ahli-ahli farmasi, para sukarelawan perubatan, staf dan sukarelawan P104 dan N31 serta Rukun Tetangga SS19/7A atas perkhidmatan efisien dan cekap anda!




## BULAN KEBAJIKAN JUN 2017

Pejabat kami telah mengadakan program bantuan kebajikan kami sepanjang bulan Jun 2017 untuk meringankan beban kewangan golongan fakir miskin di Kelana Jaya. Pada tahun lepas, sebanyak 792 orang telah mendaftar, dan kebanyakannya tinggal di Desa Mentari, Kg Lindungan,

dan Desaria. Malangnya, program ini terpaksa ditangguh pada 13hb Jun 2017 atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.

Sebelum penangguhan program ini, kami telah menemui bual sebanyak 361 pendaftaran. Butir-butirnya adalah seperti berikut.



Permohonan kebajikan  
mengikut kategori

## AKTIVITI-AKTIVITI PUSAT KHIDMAT PARLIMEN KELANA JAYA



### SESI PHONE BANK INVOKE: MALAYSIA DI KELANA JAYA

Setiap Khamis, pejabat kami mengadakan sesi phone bank bersama INVOKE. Dengan kerjasama para sukarelawan kami, sesi-sesi phone bank ini bertujuan untuk merekrut sukarelawan INVOKE dan menggalakkan orang ramai untuk

mengundi pada pilihan raya berikutnya.

Kepada semua sukarelawan, kami ucapkan terima kasih kerana sentiasa mengingatkan kami supaya terus memperjuangkan masa hadapan negara.

## PENGUMPULAN DANA: "WONDER WOMAN"

Bagi P104, anjuran pengumpulan dana dua kali setahun itu satu tradisi penting untuk memastikan pusat khidmat kami terus beroperasi. Demi memuaskan nafsu komik kami, kami telah memilih untuk memutuskan untuk menonton "Wonder Woman".

Sokongan kuat yang telah kami terima sukar kami percaya, dan pejabat kami telah berjaya merangkul dana sebanyak RM19,700 melalui jualan tiket. 98 keping tiket telah diberikan kepada golongan kurang bernasib yang jarang berpeluang menonton

wayang dengan bantuan dua organisasi bukan untung, Malaysia Care dan Community Transformation Initiative. Setiap satu tiket ini telah ditaja oleh penyokong-penyeokong kami yang pemurah hati.

Kami ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang telah membantu kami menjayakan aktiviti kami ini. Sokongan anda amat mengharukan dan kami berjanji akan terus berkhidmat kepada negara sebaik mungkin.



# INTERN-INTERN PUSAT KHIDMAT PARLIMEN KELANA JAYA



**SEAN TAN**

Pengalaman saya sebagai seorang intern dengan YB Wong Chen amat bermakna kepada saya. Ia amat menarik kerana saya dapat memerhati dan terlibat dalam kerja seorang Ahli Parlimen. Saya berpeluang merangka dasar dan meneliti rang undang-undang yang dibentang oleh pihak kerajaan.

Selain itu, pengalaman ini telah membuka mata saya kepada cara seorang Ahli Parlimen dapat memberi impak positif terhadap kehidupan seharian rakyat di kawasannya melalui program kebajikan yang bertujuan menyokong golongan miskin bandar. Semasa saya berkerja di sini, pejabat kami telah terlibat dalam mengumpul dana untuk individu-individu fakir miskin serta mengumpul komputer yang disumbangkan untuk Sister Stella bagi membantunya dalam usaha mendidik kanak-kanak dalam komunitinya.

**MEGAN KWAI**

Saya masih ingat dengan jelas sekali hari pertama saya bekerja di pejabat ini iaitu di Parlimen.

Hari pertama saya amat kucar-kacir kerana saya hampir lambat untuk kerja. Saya juga terkejut melihat sekawan rusa di sebuah kompaun tertutup di Parlimen.

Pengalaman saya semasa pejabat ini sememangnya menarik kerana saya sempat membuat *cosplay*, menari, dan menangkap ayam.

Selain itu, pengalaman ini amat berharga kerana saya diberi peluang mengalami, memahami, dan menghayati kegiatan politik yang seringkali berlaku. Oleh itu, perspektif saya terhadap kehidupan telah berubah.

Jika anda ingin mengalami apa yang saya telah lalui, intern di sini dan ketahuilah sendiri.

**MELISSA DARSHINI**

Pengalaman yang telah saya peroleh di pejabat Wong Chen sememangnya tidak ternilai. Khususnya, saya paling suka adalah peluang untuk menghulurkan bantuan semasa aktiviti-aktiviti komuniti yang diadakan. Selain itu, saya juga berkesempatan mendraf pelan perniagaan untuk sebuah pusat tuisyen komuniti di Desa Mentari. Dari segi polisi, saya telah diberi peluang untuk menyelidik perihal pelajaran percuma dan hal ketaksamaan pendapatan (jika anda ingin mengetahui lebih lanjut, saya megesyorkan dokumentari '*Where to Invade Next*').

Suasana di pejabat sentiasa mesra dan mengalu-alukan, sememangnya pengalaman yang saya tidak dapat lupakan! Saya amat menghargai peluang yang diberi untuk memperluas ilmu pengetahuan saya.



## JOEL LIM

Saya telah menyertai P104 pada bulan Januari secara tak sengaja, tetapi sebagaimana Master Oogway daripada filem 'Kung Fu Panda' pernah berkata, "Kemalangan itu tidak wujud". Saya telah menolong dalam kerja-kerja rakaman, diberi kebebasan untuk memberi buah fikiran sendiri, dan turut membantu Tania dalam siaran langsung *Monday Night Chat*, sebelum ia bertukar ke format prarakam.

Semasa di P104, saya juga banyak belajar tentang keadaan politik di peringkat tertinggi. YB Wong Chen juga seorang yang peramah dan suka berbual-bual, dan beliau sanggup menjawab sebarang soalan yang ditujukan kepadanya.

## CALVIN TAN

"Ini akan makan masa."

"Apa dia?"

"Proses menukar seluruh negara," beliau berkata, seolah-olah memberi pesanan yang tersembunyi maksudnya.

'Saya cuma nak kata, cara fikiran saya dah ubah. Dulu saya macam bos-bos lain, anggap intern tu macam bantuan tambahan di pejabat. Sekarang saya dah tukar, nak cuba latih mereka pula,' keluhnya.

"Latih macam mana?"

"Saya dah kata ini akan makan masa. Itu sebabnya saya nak ajar kamu semua cara berfikir dengan lebih kritikal. Kertas-kertas dasar yang saya suruh kamu tulis tu, ingat untuk apa? Saya beritahu kamu tujuan sebenar seorang ahli politik, apa kerajaan sedang lakukan, sebab saya nak ubahkan persepsi kamu. Anak-anak muda pemangkin masa hadapan negara, dan saya letakkan harapan saya di tangan mereka. Tapi semua ini tak akan berlaku dalam masa yang singkat."

"Saya bukan idealis naif. Saya hanya nak buat apa yang perlu sebelum mengundur diri."

## ALYSSA YEO

Pengalaman saya sebagai intern Wong Chen telah memberi saya peluang untuk mengalami realiti berbeza yang sebelum ini tidak dapat diperoleh. Program ini telah memberi saya peluang untuk menjelajahi bidang politik di Malaysia, dan memperluas kemahiran yang akan membantu saya seumur hidup saya.

Saya berpeluang menulis satu kertas dasar mengenai topik minat mendalam saya, iaitu isu reproduktif wanita, dan ini telah mengasah kemahiran penyelidikan dan merangka dasar saya dengan bimbingan kakitangan pejabat sebagai mentor-mentor saya.

Saya amat berterima kasih kepada pejabat ini kerana memberi saya pengalaman unik ini.



## DAVID LEONG RETNA

Pengalaman yang saya berkerja di pejabat YB Wong Chen telah amat menarik. Sepanjang dua bulan ini, saya telah berpeluang melawat Parlimen, bersua muka dengan beberapa orang pemimpin negara, dan juga berkhidmat untuk para penduduk yang tinggal di kawasan Kelana Jaya.

Masa saya di pejabat ini adalah antara pengalaman yang terbaik dalam hidup saya, dan saya berhutang budi kepada YB Wong Chen dan pegawai-pegawaiannya, Nadirah, Tania dan Abigail. Saya bukan sahaja lebih memahami tanggungjawab seorang ahli politik, tetapi juga pendidikan, pengalaman dan ketekunan yang diperlukan untuk menjadi seorang wakil rakyat yang berwibawa.

Saya amat bersyukur atas pendidikan, kenangan yang dikongsi dan peluang yang diberi ini. Terima kasih untuk segala-galanya.

## ALYSSA CHUA

Pengalaman saya sebagai seorang intern di pejabat YB Wong Chen merupakan cara terbaik untuk mengakhiri gap year saya. Saya telah berpeluang melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti, termasuk melawat parlimen dan membantu dalam aktiviti-aktiviti komuniti di Kelana Jaya. Saya juga telah menulis satu kertas dasar mengenai penglibatan golongan wanita dalam bidang politik di Malaysia. YB Wong Chen dan stafnya telah banyak membantu saya memastikan kertas dasar ini disempurnakan.

Pengalaman saya di pejabat ini meningkatkan rasa syukur saya terhadap tanah air saya dan perjuangan setiap rakyat Malaysia demi kebaikan tanah air. Kepada YB Wong Chen sepejabat, terima kasih atas segala tunjuk ajar anda.

## LEE SHIN HUI

Pengalaman saya sebagai seorang intern selama sebulan di pejabat YB Wong Chen amat berbaloi. Saya bukan sahaja berpeluang memerhati kerumitan dunia politik Malaysia, saya juga sempat untuk menyumbang kepada masyarakat Pengalaman yang paling saya gemari adalah tugas di Parlimen: menyelidik rang undang-undang, dan juga membincangkan pelbagai isu dengan Ahli-ahli Parlimen.

Sementara itu, saya diberi pelbagai jenis kerja di pejabat, termasuk melawat para penduduk, menulis surat rasmi, dan menyempurnakan kertas dasar saya yang menyentuh isu pendidikan seks. Saya juga mengambil bahagian dalam sesi-sesi perbualan dengan Wong Chen dan intern-intern lain mengenai perihal sosial, ekonomi, dan politik masyarakat sekeliling.

Saya percaya bahawa pilihan saya untuk menjadi intern di pejabat ini adalah satu titik permulaan yang amat baik. Saya berterima kasih kepada semua di pejabat atas pengalaman yang memuaskan ini.

Adakah anda berminat untuk mendalamkan pengetahuan anda mengenai Parlimen?

Adakah anda ingin tahu peranan seorang Ahli Parlimen?

## SERTAI KAMI SEBAGAI SEORANG INTERN

Berdasarkan kemahiran anda, anda boleh membantu kami dalam penyelidikan dasar, kerja komuniti, ataupun kedua-duanya.

Sila hantar CV dan karangan 500 patah perkataan anda kepada [research@wongchen.com](mailto:research@wongchen.com).



# STAF PUSAT KHIDMAT PARLIMEN KELANA JAYA



## ABIGAIL NIMBALKER

Abigail merupakan graduan *University of Reading* dan adalah penerima Ijazah Sarjana dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dalam bidang undang-undang antarabangsa. Abigail adalah seorang intern sebelum menjadi Pegawai Operasi.

Sebagai Pegawai Operasi, Abigail mengendali pelbagai isu kebijakan dan kewarganegaraan. Beliau juga telah menyelidik TPPA dan telah menyumbang kepada ucapan perbahasan Parlimen RUU Kanak-kanak (Pindaan) 2015 Ketua Pembangkang.

Abigail juga adalah bintang Broadway dan pereka hias dalaman pejabat.

## NADIRAH SHARIF

Nadirah adalah seorang graduan dari *Cardiff University* dan telah lulus Peperiksaan Sijil Amalan Guaman Malaysia. Beliau bertemu dengan YB Wong Chen dan pasukannya di sebuah kem kesihatan semasa bekerja sebagai seorang sukarelawan. Beliau telah menyertai pejabat ini sebagai intern sebelum ditawar jawatan pegawai penyelidik.

Nadirah menjalankan penyelidikan rang undang-undang dan usul-usul Parlimen. Beliau juga mengendalikan urusan pentadbiran dan kewangan Pusat Khidmat P104 Kelana Jaya.

Nadirah juga merupakan pereka grafik dan ilustrasi pejabat.

## TANIA LOKE

Seorang graduan bidang Fizik dan Sains Politik Hubungan Antarabangsa dari *University of Western Australia*, Tania menyongsong arus penghijrahan cendekiawan demi berkhidmat untuk Malaysia. Beliau adalah intern YB Wong Chen, sebelum ditarik jawatan Pegawai Penyelidik.

Tania telah menyumbang kepada Belanjawan Alternatif Pakatan Harapan 2017 dan kini berganding bahu dengan pihak INVOKE Malaysia Centre for Policy Initiatives.

Di samping penyelidikan melalui komputer yang beliau lebih suka buat sambil berdiri, Tania turut mengendalikan fotografi dan videografi pejabat.

# WAJAH BERSERI, TEMPAT MENAWAN: KOLEKSI GAMBAR



Daripada kiri ke kanan, atas ke bawah:

1. Melawat bazar Ramadhan USJ 7 bersama pejabat YB Hannah Yeoh.
2. Merayakan persaraan Dato' Nor Hisham sebagai Yang Dipertua MPSJ.
3. Abigail melakukan tindakan arsén mendidih susu semasa perayaan Ponggal di PJS 10.
4. Bersama komuniti Blok 3 Desa Mentari semasa sukaneka tahunan mereka.
5. Berbuka puasa bersama wakil-wakil komuniti Subang Jaya di Masjid Al-Falah USJ 9.
6. Menemu bual residen Desa Mentari bagi tujuan kebajikan.



Dari kiri ke kanan, atas ke bawah:

7. Merasmikan kebun komuniti USJ 5.
8. Pelancaran dasar 'INVOKE: A Guide to Rebuilding Our Nation (Vol. 1)'.
9. Intern-intern P104 menerima kata-kata perangsang daripada YB Rafizi Ramli.
10. Program Jom Shopping Tahun Baru Cina bersama YB Hannah Yeoh.
11. Bermain go-kart berpedal semasa program 'School's Out, Get Active' di Subang Parade.
12. Menjadualkan perjumpaan wakil-wakil *Rachel Siew Suet Li Trust Fund* bersama Timbalan Menteri Kesihatan mengenai pembentangan rawatan *Morquio Syndrome*.



Daripada kiri ke kanan, atas ke bawah:

13. Karnival Mega Keselamatan anjuran Gabungan KRT Desa Mentari bersama Dr Fahmi Ngah.
14. Di S. Rajaratnam School of International Studies bersama Shaun Kua dari INVOKE.
15. Kongres Nasional ke-12 Parti Keadilan Rakyat.
16. Persembahan koir sempena perayaan Wesak di Subang Jaya Buddhist Association.
17. Bersama pasukan INVOKE selepas makan malam penubuhan tabung pada 15 April.
18. Perjumpaan dengan pihak polis Sungai Wey bersama YB Nik Nazmi untuk membincangkan isu-isu keselamatan Desa Mentari.



Daripada kiri ke kanan, atas ke bawah:

19. Bersama para penduduk untuk aktiviti gotong-royong di Taman Desaria.
20. INVOKE bersiap sedia untuk sesi perbahasan Rang Undang-undang 355 Parlimen Rakyat.
21. Bersama delegasi Johns Hopkins University di Parlimen bersama YB Dr Ong Kian Ming.
22. Sesi gambar untuk maskot pejabat si kaktus, Sir Percival sempena Tahun Baru Cina.
23. Bersiap sedia untuk *Monday Night Chat with Wong Chen: Episode 14*.
24. Menghargai sumbangan ahli-ahli majlis MPSJ dan ahli-ahli JKP dan menyambut hari jadi YB Hannah Yeoh.

# BAGAIMANA BOLEH KAMI MEMBANTU ANDA?

Pejabat kami berkhidmat untuk semua penduduk di konstituensi Parlimen Kelana Jaya yang merangkumi:

USJ | PJS 5 - 10 | Taman Glenmarie  
Kelana Jaya | SS5, SS7, SS8, dan SS9



Membangkitkan isu-isu nasional bagi pihak anda | Mewakili Kelana Jaya dalam hal penggubalan dasar | Memberi maklum balas terkini dalam isu nasional

Menyokong permohonan kebajikan | Membuat permohonan pengecualian yuran perubatan | Berhubung dengan pihak kebajikan dan NGO



Menyokong permohonan bagi kad pengenalan biru dan pengeluaran surat sokongan | Membuat penyusulan dengan JPN dan Imigresen

Bekerjasama dengan INVOKE | Menjalankan phone bank, aktiviti pintu ke pintu serta kegiatan-kegiatan kempen yang lain

Untuk sebarang pertanyaan:  
Emel: [admin@wongchen.com](mailto:admin@wongchen.com)  
Tel: 03-5613 7918

Alamat: 113B (Tingkat dua), Jalan SS14/1 47510, Subang Jaya, Selangor



Wong Chen  
Kelana Jaya  
Surat Berita #8: Julai 2017  
Penyunting: Wong Chen  
Penyumbang: Nadirah Sharif,  
Tania Loke, Koh Wyhow  
Gambar muka surat hadapan dan staf: Joel Lim

Pertanyaan:  
Emel: [research@wongchen.com](mailto:research@wongchen.com)  
Tel: 03-5613 7918  
Fax: 03-5613 7919  
Alamat: 113B (Tingkat dua),  
Jalan SS14/1, 47510 Subang Jaya,  
Selangor, Malaysia

---

Wong Chen Kelana Jaya Surat Berita Konstituen adalah diterbitkan oleh Pusat Khidmat P104 Kelana Jaya Ahli Parlimen Kelana Jaya Selangor, Malaysia..

Surat Berita Konstituen Wong Chen Kelana Jaya adalah produk yang tidak dikawal. Informasi yang terkandung dalam surat berita ini adalah untuk maklumat am dan bukan bertujuan untuk digunakan oleh pembaca dalam membuat atau tidak membuat keputusan peribadi, perniagaan dan/atau pelaburan khusus. Sekiranya anda ingin membuat rujukan, menghasilkan semula atau menyesuaikan apa-apa kandungan dalam apa-apa cara, sila dapatkan kebenaran bertulis daripada kami terlebih dahulu.